

Lima bot nelayan serta pelantar korek pasir hanyut di Terengganu

# Tsunami kecil di Sungai Dungun

Oleh **MANIRAH OTHMAN**  
manirah.othman@kosmo.com.my

**DUNGUN** – Dua bot nelayan tenggelam manakala sebuah pelantar bagi mengorek pasir sungai tersangkut di sebuah jambatan akibat dihanyut oleh arus deras luar biasa yang melanda Kuala Sungai Dungun di sini awal pagi semalam.

Insiden tersebut mengejutkan semua mangsa memandangkan kesemua bot tersebut sudah pun ditambat tali dengan guni berisi pasir seberat kira-kira 1,500 kilogram.

Selain itu, pelantar mengorek pasir yang hanyut dan tersangkut di jambatan di Kampung Nibong Stesen, kira-kira dua kilometer dari Kuala Sungai Dungun juga sudah dilabuhkan dengan lima sauh.

Turut hanyut ialah tiga bot nelayan lain dan dua bot fiber namun kesemuanya berjaya diselamatkan.

Jumlah kerugian dianggarkan RM100,000.

Salah seorang pemilik bot, **Yusuf Saleh**, 67, berkata, dia terkejut apabila dimaklumkan seorang rakan bahawa bot miliknya hanyut sejauh kira-kira 100 meter dari tempat ia berlabuh kira-kira pukul 5.30 pagi semalam.

“Pada mulanya saya tidak percaya dan terus datang untuk melihat sendiri apa yang terjadi itu.

“Saya benar-benar terkejut apabila mendapati bot saya dan bot seorang rakan, Muhammad Jaafar, sudah hampir tenggelam,” katanya ketika ditemui di Kuala Sungai Dungun semalam.

Jelasnya, sudah berpuluh tahun dia menjadi nelayan namun kejadian itu adalah kali pertama berlaku.

Sementara itu, **Muhamad**, 56, berkata, dia dan Yusuf kini berusaha untuk menunda bot berkenaan walaupun usaha terse-

but dilihat sukar.

“Saya mengalami kerugian besar. Bot ini adalah sumber rezeki saya dan rakan-rakan selama ini,” katanya.

Sementara itu, Penolong Pengurus Permas Enterprise yang mengendalikan operasi mengorek pasir di Kampung Che Lijah dekat sini, **Mohd. Zainudin Daud** memberitahu kehilangan pelantar tersebut disedari pada pukul 7.15 pagi.

“Saya menggunakan bot fiber menyusur sungai sejauh kira-kira dua kilometer dan menemuinya tersangkut pada jambatan di Kampung Nibong Stesen,” katanya.

Beliau risau pelantar tersebut yang tersangkut pada kabel elektrik di bawah jambatan boleh mendatangkan bahaya.

“Saya akan berbincang dengan Tenaga Nasional Berhad untuk mengambil langkah sewajarnya bagi mengatasi masalah itu,” katanya.



SEBUAH pelantar bagi mengorek pasir tersangkut di jambatan Kampung Nibong Stesen dekat Kuala Sungai Dungun, Terengganu semalam akibat dilanda arus deras sungai tersebut.